

Tina Rimmer pelukis tanpa kumandang

UB 11-6-2017 B2



**CATATAN
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS**

*Selamat Jalan Tina Rimmer
Tatkala mata tua sayu
berkata*

*Perjalanan mu tiba
dipenghujung dunia
mimpi melabuh lorong lorong
citra,*

*kau jejak dari mula tanpa
jemu mendaki puncak
Kinabalu,*

*lalu kau tanamkan bendera,
kibarkan panji panji
desawarsa melambai lambai
di bawah bayu.*

*Dusun kau tumpang
diambang remaja hingga
bersemadi.*

*Anak watan mengekori mu,
kau lambung semangat dan
jiwa raga tanpa jemu.
Menjulung nama mereka
menerobos Nusantara.*

Kota Kinabalu- 2 jun 2017.

PADA bulan April yang lalu saya berkesempatan melawat pelukis tertua di Sabah malah di Malaysia di sebuah rumah Orang Tua di Jalan Papar, Sabah.

Semasa penulis berkunjung melawat, beliau kelihatan muram dan agak uzur. Walaubagaimanapun beliau mesra menyambut kedatangan penulis dengan kiran senyuman sambil dengan bersemangat dan

mesra memulakan bicara berkenaan isu-isu semasa senilukis tanah air.

Tina Lewin Rimmer satu tokoh yang sangat menarik jika dilihat dari sudut sejarah seni visual tempatan. Beliau boleh di anggap tokoh seni yang tidak didendang tetapi membawa pengaruh dan membentuk seni visual tempatan terutama sekali di negeri Sabah.

Beliau telah tinggal di bumi bertuah ini selama enam puluh lapan tahun dan telah memegang beberapa jawatan yang penting terutamanya di bidang pendidikan.

Pada umur yang muda dan berbekalkan ijazah pertama falsafah di Universiti London sebelum meletusnya Perang Dunia II di mana ketika itu belum ramai lagi anak negeri yang mempunyai kelulusan tinggi. Ketika itu beliau sanggup merelakan dirinya berkhidmat di negeri yang tak pernah di lawatinya.

Tina Rimmer tiba di Sabah dalam tahun empat puluhan dan menjawat pegawai pendidikan wanita pertama di sini. Beliau juga telah menjadi guru di beberapa buah sekolah di Sabah terutamanya di Sandakan dan beberapa bandar setelah beliau berumah tangga dan bersara.

Walaubagaimanapun fokus utama terhadap Tina Rimmer adalah minat beliau serta cintanya terhadap bumi Sabah tidak dapat dinafikan. Ini terbukti apabila beliau melepaskan hak warganegaranya di England dan sanggup tinggal bermastautin di negeri ini.

Kecintaan beliau terhadap negeri ini dilafazkan melalui hasil karya seni lukis berbagai disiplin serta hal benda yang sangat luas, umpamanya potret, landskap, alam benda dan figura. Beliau juga minat melukis dengan berbagai media umpamanya cat

minyak, cat air, pastel, pensil dan arang.

Banyak laporan serta tulisan yang telah diceritakan di kalangan pelukis serta tokoh seni di sini berdasar aktiviti melukis yang dijalankan oleh beliau hampir tujuh puluh tahun, semasa dan sebelum beliau berkhidmat di negeri Sabah.

Terutama sekali cerita dan kisah beliau sentiasa berada di pasar tamu atau di kampung-kampung membuat lakaran serta melukis secara bebas di kalangan peniaga dan pengunjung mendapat perhatian khalayak tempatan sambil memerhati dan merakamkan aktiviti penduduk tempatan yang menjadi ilham beliau.

Oleh kerana latihan yang didapatinya semasa di England, beliau biasanya membuat lukisan ala prima atau juga membuat lukisan secara plein air dan tidak suka menggunakan bantuan fotografi untuk membuat lukisannya. Itulah salah satu rahsia yang diceritakan kepada penulis ketika bertemu beliau pada bulan April yang lalu.

Amalan ini dilakukan oleh beliau sehingga akhir hayatnya kerana dengan merakam melalui fotografi seseorang pelukis itu tidak dapat membaca pemikiran serta pernyataan sendiri masyarakat di sekelilingnya. Beliau sentiasa mempunyai buku lakaran dan melukis setiap masa dengan merakamkan apa yang dilihatnya walaupun dalam umur yang menjangkau satu dekad.

Zaman remajanya beliau sering menjelajah setiap kawasan dan pendalaman negeri Sabah dari Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan sebagainya. Kebanyakannya tanpa kenderaan hanya berjalan kaki. Tina Rimmer mengabdikan dirinya kepada minatnya yang pertama iaitu melukis dan menghasilkan

catan bersama tokoh perintis pelukis negeri Sabah seperti Simon Chong Yew, George Chin dan Mohd Yaman Mus.

Beliau juga adalah pemangkin serta bertanggungjawab memupuk budaya melukis di kalangan pelukis muda tempatan dengan mengadakan kelas serta aktiviti seni lukis yang digalakkan melalui kelas setiap minggu oleh beliau dan sahabatnya pelukis Lucille Plunkett yang juga mempunyai minat yang sama dengan beliau pada awal tahun 1940an hingga 1950an ketika belum ada lagi sebarang usaha mengangkat seni lukis kepada masyarakat di negeri ini. Justeru itu ramai pelukis muda yang berjaya mengukir nama dari kelas pondok yang diadakan untuk pelukis muda tempatan.

Di samping itu, keadaan dan masa juga menyebelahi beliau apabila seorang anak tempatan Mohd Yaman Mus, seorang yang berwibawa dan prihatin dilantik menjadi Pengarah Balai Seni Lukis Sabah yang pertama. Maka beberapa usaha memajukan seni lukis tempatan berlaku umpamanya menubuhkan Persatuan Seni Lukis Sabah dan beliau telah berusaha memperkenalkan Tina Rimmer kepada umum berdasarkan prestasi beliau. Mulai dari masa tersebut kewibawaan beliau sebagai pelukis yang tersohor di negeri Sabah mulai menonjol. (Roslyn Goh 2015, Ismail Ibrahim 2012)

Sebagai seorang insan yang sangat prihatin terhadap sesama manusia, Tina Rimmer banyak mengorbankan masanya dan wang ringgit membuat kerja amal membantu masyarakat dalam kesusahan. Ini dapat dilihat melalui sumbangan beliau membawa keceriaan

kepada para pesakit terutamanya melukis potret pesakit kanser di Palliative Care Centre, Kota Kinabalu bagi merakamkan hari hari terakhir mereka.

Dari sudut kegemilangan seni visual tempatan, Tina Rimmer telah banyak membuat pameran solo sama ada bersendirian mahupun secara berkelompok. Setiap kali pamerannya mendapat sambutan bukan sahaja peminat seni visual tempatan bahkan yang datang dari luar negara.

Beliau juga sentiasa mendapat liputan luas dari media elektronik dan juga media cetak tempatan. Ini menunjukkan kewujudan Tina di tengah senario seni visual tempatan sangat menonjol. Selama beliau berkarya di pentas seni tempatan beliau telah berjaya menyemarakkan seni visual Sabah hingga dikenali oleh masyarakat luar.

Beliau juga bertanggung jawab menyuntikkan semangat serta inspirasi kepada pelukis kontemporari negeri Sabah seperti Halim Batak, Daiman Bona, Norsiah Angaban, Mark Abdullah, Baron Kampiau, Charles Mawan dan ramai lagi. Beliau juga boleh dianggap sebagai pembawa obor pelukis wanita tempatan yang selalunya dipinggirkan, dengan kelantangan beliau bersuara maka pelukis wanita tempatan juga mendapat penampilan di tengah-tengah masyarakat Sabah.

Pada tahun 1951, beliau dan temannya Lucille Pluncett telah menjadi orang yang pertama membuat pameran di negeri Sabah bertempat di Sekolah All Saints, Likas, Sabah. Sekali lagi pada tahun 1984, beliau telah mengadakan pameran yang pertama di Balai Seni Lukis Sabah yang baru dirasmikan.

Tina Rimmer juga



PENULIS berkesempatan bergambar bersama Tina Rimmer di sebuah rumah Warga Tua, di Jalan Papar.

adalah contoh yang jarang ditemui apabila dengan sukarela untuk menetap di negeri di bawah bayu dan menolak untuk kembali ke tanah tumpahnya di Dover England. Beliau juga boleh dianggap mengikut jejak pelukis antarabangsa seperti Paul Gauguin yang tinggal di Pulau Tahiti dengan mengabdikan dirinya dengan masyarakat tempatan apabila berhijrah dari Perancis.

Beliau jatuh cinta dengan negeri ini kerana minat dan cintanya kepada masyarakat di negeri Sabah. Ini dapat dirujuk melalui temubual beliau dengan media akhbar sepanjang beliau aktif membuat pameran dan menghasilkan karyanya.

Sebagai seorang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, Tina Rimmer sangat minat membaca buku dan beliau sendiri telah bekerjasama

menghasilkan buku bertajuk 'A life on two Island' dan 'Tamparuli'.

Pada hari ini, Tina Rimmer tidak lagi bersama peminat serta murid didikannya sama ada dari pendidikan mahupun senilukis. Yang tinggal adalah kenangan abadinya, namun semasa hayatnya kita lupa untuk mengenang jasanya dengan mengangkat tokoh yang banyak berjasa pada negeri ini kerana kita beranggapan aktivis seni seperti beliau tidak berupaya merubah negara dan kita sentiasa merasakan kehilangan tokoh begitu kuat impaknya apabila tidak lagi bersama kita seperti apa yang berlaku dengan Vincent Van Gogh dan P. Ramlee yang pergi tanpa didendang dan dikumandang. Kita renungkan bersama, jangan lagi kita ulangi situasi yang sama di masa muka.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****